

04 NOV 1997

MELAKA ANGGAP SATU PENGHORMATAN TERIMA PEMIMPIN G15

MELAKA, 4 Nov (Bernama) -- Melaka menganggap sebagai satu penghormatan kerana menerima kunjungan para pemimpin kumpulan Negara 15 (G15) yang meneruskan rundingan hari kedua mereka di hotel tepi pantai di sini hari ini.

Para pemimpin itu yang tiba dengan dua buah bas dari ibu negara dijadualkan melawat beberap tempat menarik di bandaraya bersejarah ini petang ini.

Ketua Menteri Datuk Abu Zahar Isnin, yang menyambut ketibaan para pemimpin itu, berkata kunjungan para pemimpin itu menjadi sejarah tersendiri bagi negeri yang kaya dengan sejarah ini.

"Melaka berasa bangga kerana menjadi destinasi yang dipilih untuk para pemimpin G15 walaupun keadaan jerebu meningkat sedikit hari ini," katanya di tempat persidangan di Riviera Bay Resort, 10 km dari sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan sidang kemuncak G15 selama tiga hari itu di Kuala Lumpur semalam. -- BERNAMA

AZZ NMO